

# IQRA'

Bil. 6/2022  
JUN

eISBN : 2735-1920

## Selamat Datang

Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEI)  
ke  
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)

03 Jun 2022 (Jumaat) | 9.30 Pagi  
Bilik Mesyuarat Utama, PTAR

*Kunjungan Hormat PTAR Ke Atas Pengarah BHEI  
PTAR SHAH ALAM - m/s 5*

Lawatan Dan Mesyuarat Program Khidmat Masyarakat  
**PROGRAM TRANSIT ILMU  
BIL 2 /2022**  
BERSAMA WAKIL  
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka  
Pejabat Pendidikan Daerah Alor Gajah  
SK Alor Gajah 1  
SK Lendu  
SK Dato' Nanning  
SMK Dato' Haji Taib Karim  
SMK Dato' Idris Said  
SMK Seri Pengkalen

15 Jun 2022 2:30 petang  
PTAR UiTM  
Cawangan Melaka  
Kampus Alor Gajah

*Program Transit Ilmu Bil. 2/2022  
PTAR ALOR GAJAH - m/s 14*

**BENKEL  
PENYEDIAAN  
PROFIL PENYELIDIK**

22 JUN 2022 (RABU)  
10:00 PAGI

PLATFORM: CISCO WEBEX

CIK NOR AZHINA KASIM  
PUSTAKAWAN  
PDSM UiTM CAWANGAN PERLIS

CIK HAZLIN IBRAHIM KHAN  
PUSTAKAWAN KAMAR  
PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA

*Program Penyediaan Profil Penyelidik  
PTAR MACHANG - m/s 19*



Gambar-gambar sepanjang gotong-royong dijalankan  
UiTM di haiku PTAR

*Gotong-Royong Pelupusan Perabot  
PTAR PULAU PINANG - m/s 22*

**PROGRAM  
READ  
@UiTM**

PTAR SERI ISKANDAR

22-23 JUN 2022  
8.30 PAGI - 4.30 PETANG

BOOK REVIEW | E-SPORTS (FIFA) | KAHOOT!  
UNO STACKO | PICK-UP STICK | CONGGAK

*Program Read@UiTM PTAR Seri Iskandar 2022  
PTAR SERI ISKANDAR - m/s 30*

## PROMOSI@PTAR

Do you have questions regarding reference material?  
**CHAT  
WITH  
LIBRARIAN**

To help you with your  
OPEN AND DISTANCE LEARNING (ODL)

SCAN ME

**IQRA  
BULLETIN**

SCAN ME



# PROGRAM KUNJUNG HORMAT PTAR BERSAMA AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)

1 JUN 2022

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan

**BULETIN  
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Melaka telah mengadakan Kunjung Hormat bersama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Melaka. Program ini telah dijalankan secara bersemuka bermula 9.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari, bertempat di ruang Santai Point PTAR UiTM Cawangan Melaka.

Program ini telah dihadiri seramai 42 orang peserta, diketuai oleh Ketua Pusat Pengajian ACIS, Dr. Dziauddin Bin Sharif bersama para pensyarah dari Unit Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan staf Perpustakaan. Program ini mendapat sambutan amat baik dari semua yang hadir. Para pensyarah juga telah dibawa melawat ke Koleksi Buku Tafsir dan Agama di Aras 2 PTAR UiTM Cawangan Melaka dengan diiringi oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Noor Hayati Kassim.

Pengisian taklimat Program Kunjung Hormat PTAR bersama ACIS ialah:

1. Pencapaian PTAR UiTM di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan UiTM.
2. Perancangan strategik dan PTAR ROAD MAP 2025.
3. Mempromosikan koleksi bahan yang ada di dalam perpustakaan.
4. Perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna perpustakaan secara fizikal dan digital/online.

Melalui program seperti ini ia dapat mempromosikan perkhidmatan terkini PTAR dalam menyokong usaha-usaha pembudayaan ilmu, penyelidikan dan perkongsian pengetahuan serta meningkatkan ketampanan PTAR.

